

PERANAN MASJID DALAM MEMARTABKAN KETAMADUNAN ISLAM DAN BUDAYA

Peranan Masjid dalam Masyarakat

Umum mengetahui bahawa masjid merupakan sebuah tempat ibadat khusus bagi umat Islam mengabdikan diri kepada pencipta mereka Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. Namun, objektif utama pembinaan masjid bukan sahaja berperanan sebagai tempat ibadat tetapi turut berperanan sebagai pusat peradaban dan ketamadunan Islam seperti yang telah dicontohkan oleh Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ وَسَلَّمَ. Masjid juga menjadi pusat dan nadi kegiatan ummah, baik kerohanian atau keduniaan, seperti aktiviti yang menyentuh perhubungan antara manusia dengan Pencipta dan perhubungan sesama mereka sendiri dalam menguruskan hal-hal mengenai keagamaan, sosial, ekonomi, keilmuan, kebudayaan dan kenegaraan.

Terdapat juga masjid-masjid di negara kita yang mempunyai kemudahan perpustakaan, pusat kesihatan, serta kemudahan pembayaran zakat dan juga premis perniagaan. Ini selaras dengan perintah Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى yang menyuruh hamba-Nya memakmurkan masjid. Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنِ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ
فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: “Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.”

[Surah al-Taubah: 18]

Di samping itu, penyerapan nilai-nilai kebudayaan dalam institusi masjid juga dapat dilihat disebabkan oleh masjid itu sendiri merupakan entiti penyatuan masyarakat.

Islam Meraikan Kepelbagaian Budaya

Secara dasarnya, agama Islam merupakan agama fitrah yang meraikan kepelbagaian budaya. Bahkan, agama Islam menerima penyerapan pelbagai budaya yang merentasi etnik dan bangsa serta menggalakkan lagi para umatnya saling mengenali antara satu sama lain sejajar dengan firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ

حَيُّرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia antara kamu di sisi Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ialah orang yang paling bertakwa. Sesungguhnya Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ Maha Mengetahui, lagi Maha Mengenal.”

[Surah al-Hujurat: 13]

Ayat ini menunjukkan bahawa Islam adalah agama untuk seluruh manusia tanpa mengira bangsa atau budaya. Melalui ayat ini, umat Islam diajak untuk saling mengenal, belajar, dan mengambil manfaat daripada keunikan budaya lain. Budaya yang tidak bertentangan dengan prinsip Islam boleh diterima dan diserap untuk memperkayakan tamadun Islam.

Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ juga membuktikan bahawa Islam menghormati ekspresi budaya yang tidak bercanggah dengan akidah. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا, beliau menceritakan bagaimana Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ membenarkan orang Habsyah bermain tombak di masjid pada hari raya. Aisyah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا berkata:

وَضَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَقْنِي عَلَىٰ مَنْكِبِي، لِأَنْظُرَ إِلَىٰ زَفَنِ الْحَبْشَةِ، حَتَّىٰ كُنْتُ الَّتِي مَلَيْتُ فَانصَرَفْتُ عَنْهُ قَالَ لِي عُرْوَةُ: إِنَّ عَائِشَةَ قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَئِذٍ: لَتَعْلَمَ يَهُودُ أَنَّ فِي دِينِنَا فُسْحَةً، إِنِّي أُرْسِلْتُ بِجَنيفِيَّةٍ سَمِحَةٍ

Maksudnya: “Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ meletakkan dagu aku di atas bahunya supaya aku dapat melihat tarian orang Habsyah, sehingga akulah yang merasa bosan, lalu aku pun beredar daripadanya. Urwah berkata: Sesungguhnya Aisyah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا berkata: Pada hari itu Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda: “Hendaklah orang Yahudi mengetahui bahawa dalam agama kita ada kelonggaran, sesungguhnya aku diutus dengan agama yang lurus lagi mudah”.”

[Riwayat Ahmad, No. 24854]

Peristiwa ini menunjukkan sikap keterbukaan Islam terhadap budaya. Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bukan sahaja tidak melarang mereka, tetapi turut memberikan ruang untuk budaya tersebut dipersembahkan di tempat yang suci seperti masjid. Hal ini menunjukkan bahawa masjid boleh menjadi pusat interaksi sosial dan budaya, selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam.

Selain itu, amalan melantunkan syair kepada umum merupakan budaya Arab Jahiliyyah yang diserap masuk ke dalam agama Islam. Nabi ﷺ sendiri menyukai syair dan membenarkan sahabatnya Hassan bin Thabit رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ untuk melantunkan syair di dalam masjid sebagai medium dakwah. Hal ini berdasarkan daripada riwayat Abu Hurairah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ:

أَنَّ عُمَرَ، مَرَّ بِحَسَّانَ وَهُوَ يُنْشِدُ الشَّعْرَ فِي الْمَسْجِدِ فَلَحَظَ إِلَيْهِ فَقَالَ قَدْ كُنْتُ أَذْشِدُ وَفِيهِ مَنْ هُوَ خَيْرٌ مِنْكَ . ثُمَّ التَّمَّتْ إِلَى أَبِي هُرَيْرَةَ فَقَالَ أَذْشِدُكَ اللَّهُ أَسْمِعْتَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ " أَجِبْ عَنِّي اللَّهُمَّ أَيَّدُهُ بِرُوحِ الْقُدُسِ " . قَالَ اللَّهُمَّ نَعَمْ .

Maksudnya: Umar رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ pernah melewati Hassan bin Thabit رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ yang sedang melantunkan syair di dalam masjid. Lalu Umar memandangnya dengan pandangan tertentu, maka Hassan berkata, "Aku pernah melantunkan syair di dalamnya, dan di dalamnya ada orang yang lebih baik daripadamu (iaitu Rasulullah ﷺ)." Kemudian Hassan berpaling kepada Abu Hurairah r.anhu dan berkata, "Aku bersumpah atas nama Allah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ, adakah engkau pernah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, 'Jawablah (mereka) bagi pihakku. Ya Allah, bantulah dia dengan Ruh al-Qudus (Jibril)?'" Maka Abu Hurairah menjawab, "Ya, demi Allah."

[Riwayat Muslim, 2485]

Manifestasi Budaya Terhadap Seni Bina Masjid

Bentuk terbesar penyerapan nilai kebudayaan dalam Islam adalah kepelbagaian seni bina atau infrastruktur terhadap institusi masjid. Hal ini disebabkan seni bina masjid juga mencerminkan manifestasi budaya setempat melalui elemen reka bentuk yang unik, penggunaan bahan binaan tempatan, serta simbolisme yang kaya dengan nilai-nilai tradisi dan keagamaan.

Setiap negara dan bangsa memiliki keunikan seni bina masjid yang dipengaruhi oleh budaya tempatan. Sebagai contoh, di dunia Melayu, masjid-masjid seperti Masjid Kampung Laut di Kelantan dan Masjid Demak di Indonesia memperlihatkan pengaruh seni bina tradisional Melayu yang bercirikan bumbung bertingkat, ukiran kayu halus, dan hiasan kaligrafi Islam yang menonjolkan nilai estetika serta kehalusan seni pertukangan. Sementara itu, kebanyakan masjid di tanah Arab dipengaruhi oleh unsur geometri Islam yang bersifat simetri dan minimalis, seperti yang dapat dilihat pada Masjid al-Azhar, Mesir dan Masjid al-Haram, Mekah.

Dalam konteks negara Malaysia, seni bina masjid dipengaruhi oleh tiga budaya utama, iaitu Melayu, Cina, dan India. Sebagai contoh Masjid Zahir di Kedah, menunjukkan pengaruh seni bina Melayu-Islam dengan bumbung bertingkat dan seni ukiran kayu yang kaya dengan motif flora dan kaligrafi Arab. Pengaruh seni bina Cina pula dapat dilihat pada Masjid Kampung Kling di Melaka yang menggunakan atap

melengkung dan hiasan porselin yang sinonim dengan seni bina Cina. Sementara itu, pengaruh seni bina India terserlah dalam Masjid Kapitan Keling di Pulau Pinang, yang menampilkan elemen kubah berbentuk bawang dan menara bergaya Mughal yang dipengaruhi oleh seni bina Islam dari India. [Rujuk ***A History of Kuala Lumpur***, oleh Gullick. J.M, Oxford University Press]

Seni bina yang mencerminkan budaya setempat membantu memperkukuh identiti umat Islam, meningkatkan rasa bangga terhadap warisan budaya, serta menjadi medium dakwah yang memperkenalkan Islam dalam bentuk yang lebih mudah diterima oleh masyarakat bukan Islam.

Sementelahan itu, masjid juga berpotensi menjadi pusat pelancongan yang mesra masyarakat dan mesra poket kerana tiada bayaran yang dikenakan. Di samping itu, kepelbagaian seni bina yang mempunyai latar belakang budaya yang berbeza akan menarik perhatian pelancong untuk mengamati kecantikan ukiran dan reka bentuk masjid serta dapat mendalami latar belakang atau sejarah pembinaannya. Melalui pelancongan, masjid juga mampu membantu mempromosikan gerak kerja dakwah Islam kepada golongan yang bukan Islam tentang ajaran agama Islam yang sebenar dan mendedahkan mereka tentang kecantikan budaya dan seni warisan Islam.

Kesimpulan

Sehubungan dengan itu, masjid adalah simbol perpaduan dan pusat tamadun Islam yang merangkumi aspek ibadah, sosial, dan budaya serta mempunyai peranan penting dalam memartabatkan ketamadunan Islam. Berdasarkan hal itu, agama Islam telah menunjukkan sifatnya sebagai sebuah agama yang fleksibel dan relevan bahkan umat Islam diajar untuk memelihara budaya yang tidak melanggar batas syariat.

Disediakan oleh;

Unit Buhuth, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Januari 2025